

FAKTOR-FAKTOR YANG MENDORONG PELAJAR LEPASAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) MEMILIH PROGRAM PENGAJIAN DIPLOMA KEJURUTERAAN AWAM

Noraida Mohd Saim^{1*}, Nurul Farraheeda Abd Rahman¹, Siti Hawa Rosli¹, dan Haslin Idayu
Amaruddin¹

¹Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi MARA Pahang, Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang,
Malaysia

aidams2000@uitm.edu.my
nurulfarraheeda@uitm.edu.my
sitihawarosli@uitm.edu.my
haslinidayu@uitm.edu.my

Abstrak: Fokus kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong pelajar lepasan SPM memilih program pengajian Diploma Kejuruteraan Awam. Kajian yang dijalankan di Fakulti Kejuruteraan Awam UiTM Pahang ini melibatkan seramai 296 responden iaitu pelajar-pelajar semester 1 yang mendaftar kemasukan bagi sesi 1 2019/2020. Terdapat empat faktor utama yang dikaji iaitu minat pelajar itu sendiri, dorongan ibu bapa dan keluarga, pengaruh rakan sebaya, pengaruh jaminan peluang kerjaya serta gaji yang bakal diterima sebaik tamat pengajian kelak. Data kajian diperolehi daripada borang soal selidik dan kemudiannya analisa deskriptif dibuat untuk melihat faktor utama yang mendorong kepada pemilihan program pengajian Diploma Kejuruteraan Awam. Dapatan analisa kajian ini menunjukkan bahawa minat yang mendalam dalam diri pelajar itu sendiri mendorong pelajar memilih program pengajian tersebut. Ujian-t juga dibuat untuk melihat sama ada wujud perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki dan perempuan dalam menentukan pemilihan program pengajian ini. Semoga dengan minat yang telah dipupuk sedari awal lagi dapat terus menjadi pemangkin untuk belajar bersungguh-sungguh dan bergraduasi dalam tempoh masa yang ditetapkan serta memperolehi keputusan yang cemerlang. Data kajian ini juga nanti boleh digunakan untuk mengenal pasti hubungan kaitnya dengan pencapaian akademik responden yang sama di dalam semester-semester akan datang sehingga bergraduasi.

Kata kunci: diploma, kejuruteraan awam, lepasan SPM, pemilihan program

Pengenalan

Kementerian Pendidikan dalam menggariskan Hala Tuju Pendidikan 2019 menyatakan bahawa kerajaan akan memperluaskan lagi pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Seni dan Matematik (STREAM). Bidang sains, teknikal dan kejuruteraan dilihat kekal relevan dalam memacu pembangunan negara (Omar 2019). Negara masih berhadapan dengan isu kekurangan tenaga mahir dan masih bergantung kepada pekerja asing dalam banyak sektor pekerjaan (PPMM 2019). Sejalan dengan pelancaran Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 pada 5 Oktober 2019 yang lalu, pendidikan kejuruteraan masih diperlukan dalam menyediakan bakal-bakal jurutera yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Oleh itu, permintaan terhadap program pengajian Kejuruteraan Awam juga dilihat masih tinggi di kalangan para pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia.

Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia adalah salah satu peperiksaan awam di Malaysia yang diuruskan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Ianya merupakan peperiksaan terakhir pendidikan menengah atas iaitu di Tingkatan Lima. Objektif SPM adalah untuk pensijilan mata pelajaran yang merekodkan pencapaian pelajar dalam setiap mata pelajaran yang lulus sahaja berserta syarat minimum lulus Bahasa Melayu. SPM digunakan untuk kemasukan ke institut pengajian tinggi (IPT) berdasarkan pencapaian kombinasi mata pelajaran dalam SPM yang sesuai dengan bidang pengajian yang hendak diikuti (Lembaga Peperiksaan Malaysia 2019).

Pemilihan bidang pengajian adalah satu proses yang sangat penting kerana pemilihan bidang yang tepat dengan personaliti, minat, serta memenuhi syarat minimum keperluan program pengajian berkait rapat dengan perjalanan kerjaya di masa hadapan (Nurbahiah Misran et al 2012). Banyak kajian telah dilakukan dalam mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong pelajar dalam membuat pemilihan

bidang pengajian di IPT. Dapatan kajian lepas banyak menyatakan faktor minat adalah pendorong utama dalam membuat pemilihan program pengajian (Seymour dan Hewitt 1997; Mahani dan Molki 2011; McInnis, James dan Hartley, 2000). Ini kerana dengan minat yang mendalam terhadap sesuatu bidang, ianya akan menjadi pendorong untuk pelajar belajar bersungguh-sungguh dan menamatkan pengajian dengan keputusan yang baik.

Terdapat juga faktor-faktor lain yang dikenal pasti menjadi pendorong kepada pemilihan bidang pengajian iaitu faktor keluarga dan rakan-rakan. Jusoh (2006) dalam kajiannya menyatakan pengaruh daripada rakan senior yang telah bergraduasi serta pengaruh keluarga merupakan faktor yang mendorong pelajar-pelajar lepasan matrikulasi dalam pemilihan bidang pengajian. Selain itu, status sosio ekonomi (SSE) juga merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi dalam membuat pemilihan bidang pengajian. SSE adalah berdasarkan kepada tiga kategori iaitu tahap pendidikan ibu bapa, pekerjaan ibu bapa serta bilangan ahli keluarga (Looker dan Lowe 2001). Menurut Othman (2006), tahap pendidikan ibu bapa merupakan satu elemen yang penting. Ini kerana ibu bapa yang berpelajaran biasanya sangat menekankan keperluan pendidikan anak-anak. Dengan itu, pelajar berasa yakin untuk membuat pilihan kerana merasa pasti keperluan sepanjang pengajian mereka nanti dapat dipenuhi oleh ibu bapa.

Prospek kerjaya di masa hadapan juga merupakan salah satu kriteria yang dititikberatkan sebelum memilih bidang pengajian. Dengan cabaran peluang pekerjaan dan keadaan ekonomi semasa, pelajar dilihat lebih peka dalam menentukan bidang pengajian yang sesuai dengan pasaran kerjaya apabila tamat pengajian nanti (Mohd Helmi et al 2016).

Oleh itu, kajian ini memfokuskan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong para pelajar lepasan SPM untuk memilih program Diploma Kejuruteraan Awam, dan seterusnya menentukan sama ada terdapat perbezaan faktor pendorong di antara pelajar-pelajar lelaki dan juga pelajar-pelajar perempuan.

Metodologi

Instrumen Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk tinjauan menggunakan instrumen borang soal selidik tertutup atas talian yang diedarkan kepada responden melalui platform internet dan digital. Soal selidik dibina berdasarkan objektif kajian dengan merujuk kepada kajian-kajian terdahulu dan disesuaikan dengan skop dan persekitaran kajian ini yang hanya melibatkan pelajar-pelajar Diploma Kejuruteraan Awam, UiTM Cawangan Pahang. Set soal selidik ini mengemukakan soalan-soalan yang ringkas dan mudah difahami yang merangkumi lima bahagian. Bahagian A berkisar tentang latar belakang responden seperti jantina, gred SPM bagi subjek Matematik, Matematik Tambahan, Fizik dan Kimia dan kategori sekolah menengah terdahulu. Bahagian B ialah Faktor Minat, Bahagian C ialah Faktor Rakan, Bahagian D ialah Faktor Ibu bapa dan Keluarga dan Bahagian E pula adalah Faktor Jaminan Kerjaya dan Gaji. Penskoran skala 4 mata digunakan bagi menjawab setiap soalan di bahagian B, C, D dan E.

Jadual 1 Penskoran skala 4 mata

Maklum balas	Markah Skala
Sangat Tidak Setuju (STS)	1
Tidak Setuju (TS)	2
Setuju (S)	3
Sangat Setuju (SS)	4

Skala ini dipilih kerana ianya lebih mudah untuk diurus, dapat membantu responden fokus kepada soalan kajian, serta melancarkan proses analisa data (M. Asri et. al 2016; Deobold 1999). Data tersebut kemudiannya dianalisa secara deskriptif bagi mendapatkan skor min, sisihan piawai dan peratusan. Ujian-t juga dilakukan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan terhadap faktor yang mendorong pemilihan program oleh pelajar lelaki dan perempuan.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi di dalam kajian ini ialah pelajar-pelajar tahun pertama yang baru mendaftarkan diri untuk mengikuti Program Diploma Kejuruteraan Awam di Fakulti Kejuruteraan Awam UiTM Pahang bagi sesi 1 2019/2020. Pelajar-pelajar ini merupakan kumpulan lepasan SPM tahun 2018. Seramai 296 pelajar telah menjawab soal selidik tersebut dan kesemua dipilih sebagai sampel kajian untuk dianalisa.

Keputusan dan Perbincangan


Latar belakang Responden

Responden kajian terdiri daripada 175 orang pelajar lelaki (59%) dan 121 orang pelajar perempuan (41%) yang menjadikan jumlah keseluruhan ialah 296 orang seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina

Jantina	Frekuensi	Peratus (%)
Lelaki	175	59
Perempuan	121	41
Jumlah	296	100

Daripada jumlah tersebut, pecahan kategori sekolah terdahulu dapat dilihat seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1. Majoriti 66.7% responden merupakan lepasan SPM daripada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), manakala sebanyak 11.1% adalah bekas pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM). 10.1% adalah daripada Sekolah Menengah Teknik (SMT) dan selebihnya iaitu 5.3%, 3.7%, 1.6%, 1.1% dan 0.5% masing-masing adalah daripada Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Agama (SMA), Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) dan Sekolah Menengah Sains (SMS).



Rajah 1 Pecahan berdasarkan kategori sekolah terdahulu.

Jadual 2.0 pula menunjukkan pencapaian gred SPM responden bagi mata pelajaran Matematik, Matematik Tambahan, Fizik dan Kimia yang merupakan mata pelajaran yang wajib lulus bagi memenuhi syarat permohonan untuk diterima ke Program Diploma Kejuruteraan Awam UiTM. Mata pelajaran Matematik mencatatkan peratusan tertinggi dengan 76.2% responden memperolehi gred A (Cemerlang Tinggi), manakala bagi mata pelajaran Matematik Tambahan dan Fizik, gred minimum

yang diperolehi ialah C (Kepujian). Bagi mata pelajaran Kimia, taburan gred pencapaian adalah antara A- (Cemerlang) hingga E (Lulus).

Jadual 2 Pencapaian Gred SPM bagi Matapelajaran Sains dan Matematik

Mata pelajaran	Peratusan Pelajar								
	Cemerlang			Kepujian			Lulus		
	A+	A	A-	B+	B	C+	C	D	E
Matematik	15.9	76.2	6.9	1.0	0	0	0	0	0
Matematik Tambahan	0	1.6	3.7	14.4	13.2	29.1	38.1	0	0
Fizik	0	1.6	5.3	18	26.5	27.5	21.2	0	0
Kimia	0	0	4.2	7.9	13.2	24.3	28.6	18.5	3.2

Dapatan Kajian

Sebanyak 10 soalan disediakan berkaitan faktor minat, 6 soalan berkaitan faktor pengaruh rakan, 6 soalan berkaitan faktor pengaruh ibu bapa dan keluarga serta 7 soalan berkaitan faktor jaminan kerjaya dan gaji. Jadual 3 menunjukkan keseluruhan skor min berdasarkan faktor pendorong yang berbeza.

Jadual 3 Analisa keseluruhan skor min dan sisihan piawai

Faktor pendorong pemilihan program pengajian	Min		Sisihan Piawai	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
Minat terhadap bidang Kejuruteraan Awam.	3.407	3.386	0.641	0.715
Pengaruh rakan-rakan.	2.591	2.594	0.721	0.698
Pengaruh ibubapa dan ahli keluarga yang lain.	2.761	2.787	0.771	0.760
Jaminan kerjaya dan gaji yang lumayan.	3.195	3.245	0.610	0.614

Minat yang mendalam dalam bidang Kejuruteraan Awam adalah faktor utama yang mendorong para pelajar memilih untuk meneruskan pelajaran dalam bidang tersebut dengan skor min tertinggi (3.407 – pelajar lelaki, 3.36 – pelajar perempuan) seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 3. Merujuk kepada Kamus Dewan edisi keempat, minat ditakrifkan sebagai keinginan iaitu kesukaan dan kecenderungan kepada sesuatu (Kamus Dewan 2019). Ini bermaksud pelajar-pelajar memilih pengajian Kejuruteraan Awam kerana mereka mempunyai kecenderungan ingin mempelajari dengan lebih terperinci dan ingin meneroka bidang Kejuruteraan Awam. Ditambah dengan era informasi di hujung jari, maklumat dan pendedahan berkaitan bidang ini mudah diperolehi melalui carian di atas talian dan media sosial. Najib (2002) menyatakan minat boleh wujud berdasarkan pengetahuan, pengalaman dan pendedahan yang diterima oleh pelajar semasa dalam proses pembelajaran dan juga melalui persekitaran yang wujud di sekeliling mereka. Daripada soal selidik yang dijalankan, 50.27% pelajar sangat setuju dan 47.57% pelajar setuju bahawa mereka secara asasnya sudah mengetahui rangkuman skop bidang Kejuruteraan Awam. Ini seperti yang dipaparkan di dalam Jadual 4 yang menunjukkan analisa bagi sebahagian item faktor minat. Daripada dapatan kajian, ia juga menunjukkan pelajar-pelajar ini telah meminati bidang Kejuruteraan Awam sedari awal peringkat sekolah menengah lagi dengan 55.68% pelajar bersetuju dengan kenyataan ini. Minat juga merupakan faktor terpenting yang menentukan pencapaian seseorang pelajar dalam sesuatu bidang kerana minat akan mendorong seseorang pelajar untuk belajar bersungguh-sungguh dan memberikan komitmen yang terbaik untuk

mencapai sasaran yang ditetapkan (Mohd Effendi Jamlos 2012; Mustapha dan Long 2010). Berbanding dengan pelajar yang tidak berminat dengan bidang pengajian yang diikuti, mereka ini lebih cenderung untuk berhenti belajar di pertengahan tempoh pengajian ataupun memiliki pencapaian akademik yang tidak memuaskan (Yorke 1999; Christie, Munro dan Fisher, 2004).

Jadual 4 Taburan peratusan kekerapan, min dan sisihan piawai bagi faktor minat

Kenyataan	STS	TS	S	SS	Min	Sisihan piawai
Sangat meminati bidang Kejuruteraan Awam sejak dari sekolah menengah lagi.	0.54	10.27	55.68	33.51	3.22	0.642
Program Pengajian Kejuruteraan Awam merupakan antara ENAM (6) pilihan yang TERATAS daripada 12 pilihan semasa mengisi borang UPU atas talian.	7.57	3.78	18.38	70.27	3.52	0.885
Memahami bidang Kejuruteraan Awam berkaitan dengan pembinaan struktur bangunan, pengurusan air dan sisa pepejal, kestabilan cerun, rangkaian pengangkutan dan jalan raya serta pengurusan projek pembinaan.	0.54	1.62	47.57	50.27	3.48	0.562

Rakan sebaya ialah antara faktor lain yang mempengaruhi seseorang pelajar dalam membuat pemilihan bidang pengajian khususnya di peringkat universiti. Pengaruh rakan sebaya memainkan peranan yang besar dalam menentukan hala tuju kehidupan seseorang remaja terutama dalam hal berkaitan pendidikan. Menurut Nursuhaili (2010), pelajar yang bergantung kepada rakan sebaya akan dipengaruhi oleh rakan mereka kerana mempunyai persamaan minat dan aktiviti serta sanggup menghabiskan masa yang lama untuk bersamasama rakan.

Jadual 5 Taburan peratusan kekerapan, min dan sisihan piawai bagi faktor pengaruh rakan

Kenyataan	STS	TS	S	SS	Min	Sisihan piawai
Mendapat maklumat tentang Program Pengajian Kejuruteraan Awam daripada rakan-rakan	18.38	43.78	32.43	5.41	2.25	0.816
Pemilihan Program Diploma Kejuruteraan Awam bukan kerana terpengaruh dengan pujukan rakan supaya memilih program pengajian yang sama.	1.62	2.70	36.22	59.46	3.53	0.634
Tidak kisah memilih program pengajian yang berbeza daripada rakan-rakan rapat yang lain.	2.16	6.49	34.05	57.30	3.46	0.714
Akan tetap mengikuti Pengajian Kejuruteraan Awam walaupun rakan baik tidak berjaya ditawarkan program pengajian yang sama.	19.46	51.89	24.86	3.78	2.13	0.762

Kejayaan rakan-rakan senior yang telah mengikuti Program Pengajian Kejuruteraan Awam menarik minat saya untuk mendaftar program ini juga	10.27	29.73	43.78	16.22	2.67	0.871
--	-------	-------	-------	-------	------	-------

Namun dalam kajian ini, pemilihan Program Pengajian Diploma Kejuruteraan Awam adalah bukan kerana faktor pengaruh rakan. Merujuk kepada Jadual 3, skor min keseluruhan bagi faktor rakan sebaya adalah paling rendah iaitu 2.591 bagi pelajar lelaki manakala 2.594 bagi pelajar perempuan. Ini bermakna, responden bersetuju bahawa rakan sebaya tidak mempengaruhi mereka dalam membuat pilihan program pengajian Diploma Kejuruteraan Awam di Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang.

Jadual 5 menunjukkan analisa faktor pengaruh rakan dalam menentukan pemilihan program pengajian secara terperinci. Item yang mempunyai min yang paling tinggi adalah “*Pemilihan Program Diploma Kejuruteraan Awam bukan kerana terpengaruh dengan pujukan rakan supaya memilih program pengajian yang sama dengannya*” (min = 3.53 dan sisihan piawai = 0.634) dengan 59.46% pelajar Sangat Setuju dengan pernyataan tersebut. Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah adalah “*Akan tetap mengikuti Pengajian Kejuruteraan Awam walaupun rakan baik saya tidak berjaya ditawarkan program pengajian yang sama.*” (min = 2.42 dan sisihan piawai = 1.43) iaitu 51.89% pelajar Tidak Setuju dengan pernyataan tersebut. Ini menunjukkan terdapat konflik di antara pendirian diri sendiri dengan pendirian rakan sebaya yang rapat. Lumrahnya, jika perlu membuat sesuatu penilaian, seseorang remaja yang masih belum matang akan menghadapi konflik seperti ini dengan rakan sebaya yang rapat.

Jadual 6 menunjukkan sebahagian analisa faktor pengaruh ibu bapa dan keluarga dalam menentukan pemilihan program pengajian. Berdasarkan analisa yang dibuat, seramai 200 pelajar iaitu 67.57% menjawab Sangat Tidak Setuju (STS) dan 30.81% Tidak Setuju (TS) bagi kenyataan “*keluarga tidak menyokong saya memilih program Pengajian Diploma Kejuruteraan Awam*”. Skor min bagi kenyataan ini ialah 1.34 dengan sisihan piawai 0.508. Ini menunjukkan sokongan keluarga merupakan elemen penting bagi pelajar ketika membuat pilihan kursus. Dapatan ini disokong oleh kajian Ariffin (2018) dan Yahaya (2011) yang mendapati bahawa kebanyakan responden bersetuju bahawa ibu bapa mereka memberi sokongan yang penuh terhadap pilihan pengajian mereka.

Jadual 6 Taburan peratusan kekerapan, min dan sisihan piawai bagi faktor pengaruh ibu bapa dan keluarga

Kenyataan	STS	TS	S	SS	Min	Sisihan piawai
Saya memilih Program Pengajian Kejuruteraan Awam kerana tidak mahu menghampakan harapan ibu/bapa/keluarga yang mahu saya menjadi seorang jurutera.	22.16	42.16	25.41	10.27	2.23	0.913
Ibu/bapa/keluarga tidak menyokong saya memilih program Pengajian Diploma Kejuruteraan Awam	67.57	30.81	1.62	0	1.34	0.508
Saya memilih Program Pengajian Kejuruteraan Awam kerana ibu/bapa/ahli keluarga/saudara saya bekerja di dalam bidang Kejuruteraan Awam.	30.27	32.97	23.24	13.51	2.20	1.020
Saya yakin boleh berjaya jika memilih program pengajian yang disarankan oleh ibu/bapa/keluarga.	3.24	15.14	56.76	24.86	3.03	0.729

Saya menyerahkan sepenuhnya kepada ibu/bapa/keluarga untuk menentukan program yang bersesuaian dengan kelulusan saya.	28.65	42.70	21.62	7.03	2.07	0.885
---	-------	-------	-------	------	------	-------

Selain itu, sebanyak 63.24% pelajar tidak bersetuju manakala 36.75% lagi bersetuju bahawa faktor pemilihan program pengajian adalah disebabkan adanya ibu bapa atau ahli keluarga rapat yang lain bekerja dalam bidang Kejuruteraan Awam. Kenyataan ini mendapat skor min 2.20 dengan sisihan piawai tertinggi 1.020. Ini menunjukkan terdapat jurang yang agak besar antara skor min dan skor pilihan pelajar. Hasil dapatan ini adalah hampir sama dengan hasil dapatan kajian oleh Abu (2008) yang mendapati 61% responden tidak bersetuju pekerjaan ibu bapa dan keluarga sebagai guru mendorong mereka memilih profesion perguruan. Walau bagaimanapun, pelajar menjawab mereka yakin boleh berjaya sekiranya memilih kursus yang disarankan ibu bapa dan keluarga dengan skor min 3.03 bagi kenyataan ini. Hasil keseluruhan analisa mendapati para pelajar merasakan ibu bapa dan keluarga bukan faktor terbesar yang mempengaruhi keputusan pemilihan program Pengajian Diploma Kejuruteraan Awam. Namun, sokongan dan dorongan keluarga terhadap pilihan yang dibuat adalah sangat penting dalam membantu kejayaan mereka kelak. Merujuk kepada Jadual 3, pengaruh ibu bapa dan keluarga dalam menentukan pilihan program pengajian bagi pelajar lelaki mahupun perempuan adalah ditahap sederhana dengan skor min 2.761 dan 2.787.

Berdasarkan Jadual 7, kebanyakan pelajar berpendapat bahawa mereka boleh bekerja di sektor swasta sekiranya tidak berpeluang bekerja di sektor awam sebagai salah satu sebab utama pemilihan mereka di dalam program pengajian Diploma Kejuruteraan Awam. Ini dapat ditunjukkan berdasarkan analisis markah statistik mereka iaitu kenyataan tersebut mendapat skor min yang paling tinggi (3.34) dengan sisihan piawai (0.529) yang lebih rendah berbanding daripada kenyataan-kenyataan lain yang disenaraikan. Hal ini membuktikan bahawa pengagihan skor markah hampir kepada nilai min.

Kebanyakan pelajar sudah maklum bahawa peluang untuk mereka bekerja di dalam sektor awam amat terhad disebabkan peluang pekerjaan yang tidak banyak. Namun, disebabkan mereka mengetahui bahawa mereka masih berpeluang bekerja di dalam sektor swasta, ianya mendorong mereka untuk memilih jurusan Kejuruteraan Awam. Menurut kajian sebelum ini oleh Mahyuddin dan Nor (2017), kerjaya di dalam bidang kejuruteraan secara umumnya mendapat permintaan yang tinggi. Sebagai contoh, setiap hari pasti ada sahaja syarikat swasta yang akan mengiklankan jawatan kosong sebagai jurutera di akhbar-akhbar tempatan dan juga portal carian pekerjaan atas talian. Tambahan pula, para pelajar juga berpendapat bahawa sekiranya mereka mempunyai kelulusan di dalam bidang Kejuruteraan Awam, mereka berpeluang mengusahakan syarikat konsultansi atau kontraktor sendiri tanpa mengharapkan peluang pekerjaan di luar. Ini dapat dilihat di dalam jadual 7 di mana kenyataan tersebut mendapat skor min kedua tertinggi (3.18) dengan sisihan piawai yang rendah (0.552).

Jadual 7 Taburan peratusan kekerapan, min dan sisihan piawai bagi faktor pengaruh jaminan kerjaya dan gaji

Kenyataan	STS	TS	S	SS	Min	Sisihan piawai
Saya diberitahu graduan di dalam bidang Kejuruteraan Awam mempunyai peluang pekerjaan yang cerah di masa hadapan.	0.54	9.73	59.46	30.27	3.19	0.621
Saya boleh bekerja di sektor swasta sekiranya tidak berpeluang bekerja di sektor awam.	0.00	2.70	60.54	36.76	3.34	0.529
Saya difahamkan boleh mendapat gaji yang tinggi apabila bekerja di dalam bidang Kejuruteraan Awam.	0.54	14.05	59.46	25.95	3.11	0.642
Saya akan lebih dihormati dan disanjung sekiranya bekerja di dalam bidang Kejuruteraan Awam	6.49	34.59	48.65	10.27	2.62	0.756

Saya boleh membuka syarikat konsultansi / kontraktor sendiri sekiranya saya mempunyai kelulusan di dalam bidang Kejuruteraan Awam.	0.54	10.81	58.38	30.27	3.18	0.552
--	------	-------	-------	-------	------	-------

Kebanyakan pelajar sudah maklum bahawa peluang untuk mereka bekerja di dalam sektor awam amat terhad disebabkan peluang pekerjaan yang tidak banyak. Tetapi disebabkan mereka mengetahui bahawa mereka masih berpeluang bekerja di dalam sektor swasta mendorong mereka untuk memilih jurusan Kejuruteraan Awam. Menurut kajian sebelum ini oleh Mahyuddin dan Nor (2017), secara umum kerjaya di dalam bidang kejuruteraan mendapat permintaan yang tinggi. Sebagai impaknya setiap hari, pasti ada sahaja syarikat swasta yang akan mengiklankan jawatan kosong sebagai jurutera di akhbar-akhbar tempatan dan juga portal carian pekerjaan atas talian. Tambahan pula, para pelajar juga berpendapat bahawa sekiranya mereka mempunyai kelulusan di dalam bidang Kejuruteraan Awam mereka berpeluang mengusahakan syarikat konsultansi atau kontraktor sendiri tanpa mengharapkan peluang pekerjaan di luar. Ini dapat dilihat di dalam jadual 7 bahawa untuk kenyataan tersebut mendapat skor min kedua tertinggi (3.18) dengan sisihan piawai yang rendah (0.552).

Hal ini bertepatan dengan saranan kerajaan Malaysia supaya masyarakat atau graduan lebih berdaya saing dalam mencipta peluang pekerjaan sendiri dengan tidak mengharapkan bantuan orang lain untuk menyara diri dan keluarga. Dengan mengusahakan syarikat konsultansi atau syarikat kontraktor sendiri juga secara tidak langsung dapat menawarkan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia yang lain. Maka budaya makan gaji dapat dikurangkan dengan kewujudan usahawan dalam pasaran pekerjaan (Norfadilah dan Halimah, 2010; Zaidatol dan Habibah, 1998; Tolbert, 1974).

Jadual 8 Analisa Ujian-t

Faktor pendorong pemilihan program pengajian	Skor Min		Sisihan Piawai		t-Stat	t-kritikal	Nilai p
	L	P	L	P			
Minat terhadap bidang Kejuruteraan Awam.	3.407	3.386	0.641	0.715	0.1883	2.178	0.853
Pengaruh rakan-rakan.	2.591	2.594	0.721	0.698	-0.006	2.262	0.995
Pengaruh ibubapa dan ahli keluarga yang lain.	2.761	2.787	0.771	0.760	-0.065	2.262	0.949
Jaminan kerjaya dan gaji yang lumayan.	3.195	3.245	0.610	0.614	-0.297	2.178	0.771

Bagi menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor-faktor yang mendorong pelajar lelaki dan perempuan dalam membuat pemilihan program pengajian Diploma Kejuruteraan, analisa Ujian-t dilakukan terhadap sampel. Berdasarkan analisa Ujian-t yang ditunjukkan dalam Jadual 8, ianya membuktikan tiada perbezaan yang signifikan apabila nilai t-statistik lebih kecil berbanding nilai t-kritikal dan juga nilai p melebihi 0.05. Ini bermaksud pelajar lelaki dan perempuan mempunyai penilaian yang sama dalam menentukan sama ada minat, pengaruh ibu bapa dan keluarga, pengaruh rakan ataupun jaminan kerjaya yang mendorong mereka memilih program pengajian Diploma Kejuruteraan Awam di UiTM Pahang.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, kajian ini dapat mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong pelajar lepasan SPM memilih program pengajian Diploma Kejuruteraan Awam. Berbanding faktor-faktor lain, minat merupakan faktor utama bagi mereka dalam memilih bidang pengajian. Ini menunjukkan para pelajar boleh dikatakan bersedia untuk mengikuti pengajian selama tiga (3) tahun dan memperolehi diploma

untuk meneruskan perjalanan masa depan yang lebih baik. Dengan minat yang tinggi, diharapkan para pelajar dapat belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Sokongan keluarga sepanjang tempoh pengajian juga turut memainkan peranan dalam membantu kejayaan mereka. Kajian ini juga mendapati tiada perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan dalam faktor pemilihan bidang pengajian Kejuruteraan Awam. Hasil daripada kajian ini boleh digunakan di masa akan datang untuk mengukur pencapaian akademik mereka dengan melihat hubungan kait di antara minat dan pencapaian akademik pelajar daripada populasi dan sampel yang sama.

Rujukan

- Abu, B. B., & Aziz, N. F. B. A. (2008) Faktor-Faktor Yang Mendorong Guru Pelatih Fakulti Pendidikan Memilih Bidang Perguruan. <https://core.ac.uk/download/pdf/11786072.pdf>
- Ariffin, A., Manan, N. S. A., Rubani, S. N. K., Hamzah, N., & Subramaniam, T. S. (2018). Persepsi Pelajar Wanita Memilih Kursus Binaan Bangunan Di Fptv Dari Aspek Dorongan Keluarga Dan Rakan Sebaya. *Online Journal for TVET Practitioners*, 3(1). <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/oj-tp/article/view/4822>
- Christie, H., Munro, M., & Fisher, T. (2004). Leaving university early: Exploring the difference between continuing and non continuing student. *Studies in Higher Education*, 29(5), 617-636. <http://dx.doi.org/10.1080/0307507042000261580>
- Jusoh, N. (2006). The study of matriculation students selection factors to the local university and educational courses. Bachelor dissertation, Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2019 . Diperolehi daripada http://www2.moe.gov.my/~lp/faq_spm.htm
- Looker, E. D., & Lowe, G. S. (2001). Post secondary access and student financial aid in Canada: Current knowledge and research gaps. Paper presented at Canadian Policy Research Networks Workshop on Post Secondary Access and Student Financial Aid, in Ottawa.
- Mahyuddin, A. dan Nor, A. R. (2017), Faktor Kesediaan Pelajar Kejuruteraan Elektrik Dan Elektronik Dalam Pembentukan Kerjaya, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Effendi Jamlos (2012), Laporan projek Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal (Kejuruteraan Awam), Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Husein Onn Malaysia
- Mahani, S., & Molki, A. (2011). Factors influencing female Emirati students' decision to study engineering. *Global Journal of Engineering Education*, 13(1), 26-31.
- McInnis, C., James, R., & Hartley, R. (2000). *Trends in first year experience*. Evaluation and investigation program, Higher Education Division on 00 / 6. Canberra: Department of Education, Training and Youth Fair
- Mohd Helmi Ali, Azman Ismail, Norhidayah Suleiman & Mohammad Azrul Tajuddin (2016). Faktor Pemilihan Kerjaya dalam Kalangan Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia : Satu Panduan untuk Industri (Career Selection Factors among University Students: A Guide for Industry). *Jurnal Personalia Pelajar* 19(2)(2016): 9 – 15. Diperolehi daripada http://journalarticle.ukm.my/10888/1/Artikel-2_Mohd-Helmi-Ali_FEP.pdf
- Norfadhilah, N. dan Halimah, H. (2010), Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (Entrepreneurial Career Aspirations Among IPTA Students), *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(1)(2010) 11-17.
- Najib, M. (2002). *Perkembangan Dan Pemilihan kerjaya Remaja*. Selangor : Federal Publications.
- Norbahiah Misran, Sarifah Nurhanum Syed Sahuri, Norhana Arsad1, Hafizah Hussain, Wan Mimi Diyana Wan Zaki1 & Norazreen Abd Aziz (2012). Malaysian Matriculation Student's Factors in Choosing University and Undergraduate Program, *Asian Social Science*; Vol. 8, No. 16; 2012. Published by Canadian Center of Science and Education
- Omar Zin (2019, 14 Jan). 'Tiga hala tuju Kementerian Pendidikan 2019 diumumkan'. Diperolehi daripada <https://www.msn.com/en-my/news>
- Othman, F. (2006). The relationships between family socioeconomic status and student achievement of mathematic in two schools at Johor Bahru district. Bachelor dissertation, Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia.
- Pejabat Perdana Menteri Malaysia (PPPM) (2019). Ucapan Yab Tun Dr Mahathir Bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia Sempena Pelancaran Wawasan Kemakmuran Bersama "Penyusunan Semula Keutamaan Pembangunan Malaysia. Diperolehi daripada <https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2019/10/Salinan-Media-Ucapan-YAB-PM-Pelancaran-Wawasan-Kemakmuran-Bersama-pada-5-Okt-2019-@5.10.pdf>
- Seymour, E., & Hewitt, N. M. (1997). *Talking about leaving: Why undergraduates leave the sciences*. Boulder, CO: Westview Press.
- Tolbert, (1974), *Counseling for Career Development*. Boston: Houghton Mufflin Co.

- Yahaya, A & Ismail, N (2011) Faktor-Faktor Pemilihan Kursus Dan Masalah-Masalah Pembelajaran Dalam Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan Empat Aliran Teknikal Di Tiga Buah Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Sembilan , Journal of Technical, Vocational & Engineering Education Volume 2 June 2011, Pages93-106/ISSN: 2231-7376. Diperolehi daripada <http://eprints.utm.my/id/eprint/13401/1/JTVEE-2011-2-007.pdf>
- Yorke, M. (1999). Cambodian students and motivation to participate in higher education. *Querying Education Society*, 17(2), 85-98.
- Zaidatol, A. L. P. dan Habibah, E. (1998), Keusahawanan dan Motivasi Diri, Serdang: Penerbit Universiti Pertanian Malaysia.